



## KENYATAAN TENDER

**PERKHIDMATAN BAGI MENYELENGGARA PERALATAN SISTEM PENGAWASAN KUALITI AIR SECARA  
TELEMETRI-SUPERVISORY CONTROL AND DATA ACQUISITION (SCADA) UNTUK LIMA (5) BUAH STESEN  
PENGAWASAN SEDIA ADA TASIK PUTRAJAYA  
NO. TENDER: PPjT/JR/28/2024**

1. Tender adalah dipelawa daripada Kontraktor/Syarikat Tempatan yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)** dalam kod bidang yang berkaitan serta masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini, serta mempunyai pengalaman, keupayaan teknikal dan kewangan yang mencukupi bagi melaksanakan projek tersebut di atas.
2. Tender serta kelayakan asas Syarikat adalah seperti berikut:

SYARAT MEMASUKI TENDER	TARIKH DAN TEMPAT TAKLIMAT / LAWATAN TAPAK	TARIKH DAN TEMPAT DOKUMEN MULA DIJUAL	HARGA DOKUMEN, BENTUK BAYARAN & BAYARAN ATAS NAMA	TARIKH, WAKTU & TEMPAT TENDER TUTUP
Berdaftar dengan <b>Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)</b>  <b>100101 (Semua Peralatan Sukatan/Ukuran)</b>  <b>Atau</b>  <b>060502 (Peralatan Makmal Pengukuran, Pencerapan dan Sukat)</b>	<b>02 Oktober 2024 (Rabu)</b>  9.30 pagi  <b>Bilik Mesyuarat Cemara, Aras 5, Blok C, Kompleks Perbadanan Putrajaya, 24, Persiaran Perdana, Presint 3, 62675 Wilayah Persekutuan Putrajaya</b>  <b>(DIWAJIBKAN)</b>	<b>02 Oktober 2024 (Rabu)</b>  Sehingga  <b>15 Oktober 2024 (Selasa)</b>  Kaunter Perolehan, Aras 3, Bangunan Annexe Kompleks Perbadanan Putrajaya, 24, Persiaran Perdana, Presint 3, 62675 Wilayah Persekutuan Putrajaya	Ringgit Malaysia <b>RM100.00</b> (Tidak dikembalikan)  <b>Kad Debit &amp; Kredit / Maybank QRPay &amp; E-Wallet (TnGo, Boost, Grabpay) / Perbankan Internet</b>	<b>24 Oktober 2024 (Khamis)</b>  <b>12.00 tengah hari</b>  Kaunter Perolehan, Aras 3, Bangunan Annexe Kompleks Perbadanan Putrajaya, 24, Persiaran Perdana, Presint 3, 62675 Wilayah Persekutuan Putrajaya

3. Kontraktor-kontraktor juga mesti memenuhi kriteria kelayakan seperti mempunyai pengalaman dan pernah menyiapkan perkhidmatan yang berkaitan bernilai sekurang-kurangnya RM250,000.00 bagi satu (1) kontrak dalam tempoh 5 tahun terdahulu.
4. Dokumen Meja Tender boleh disemak dan Dokumen Tender boleh diperolehi di pejabat tersebut pada waktu pejabat.
5. Taklimat dan lawatan tapak tender akan diadakan pada **02 Oktober 2024 (Rabu)**, jam **9.30 pagi** di **Bilik Mesyuarat Cemara, Aras 5, Blok C, Kompleks Perbadanan Putrajaya**. Hanya pemilik/pengarah syarikat atau pegawai syarikat yang ditauliahkan di dalam Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat Kementerian Kewangan dibenarkan untuk menghadiri taklimat tender. Sila bawa bersama Sijil Pendaftaran Kementerian Kewangan dan Cap Syarikat.
6. Dokumen Tender hanya akan dikeluarkan kepada Kontraktor/Syarikat yang menghadiri taklimat tersebut dan hanya wakil Kontraktor/Syarikat yang sah sahaja dibenarkan untuk membeli dokumen. Wakil Kontraktor/Syarikat juga hendaklah membawa **Surat Wakil Kuasa (Asal)** yang ditandatangani oleh individu yang diberi kuasa oleh syarikat bagi urusan Perolehan Kerajaan sepertimana dalam Sijil Akuan Pendaftaran Kementerian Kewangan. **Wakil Kontraktor/Syarikat juga hendaklah membawa satu (1) salinan Sijil Akuan Pendaftaran Kementerian Kewangan Malaysia.**
7. Tender ini akan ditutup pada **24 Oktober 2024** bersamaan hari **Khamis** jam **12.00 tengah hari**. Dokumen Tender yang dilengkapkan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul berlakri serta bertanda dengan tajuk tender dan hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tender yang dikhaskan di tempat dan sebelum waktu yang ditetapkan seperti di atas.
8. Syarikat hendaklah menanggung sendiri segala perbelanjaan yang berkaitan dengan urusan tender ini. Pembayaran secara cek persendirian untuk Dokumen Tender tidak akan diterima. Bayaran Dokumen Tender tidak akan dikembalikan.